

Keluaran SEPT-DIS 2012

MPSP

Bil 3/2012

MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI



MOTHER EARTH 2012



KANDUNGAN



p6

- p3. SIDANG REDAKSI
- p4. PERUTUSAN YDP
- p5. MAJLIS PELANCARAN PROJEK PERINTIS BAJET RESPONSIF GENDER (BRG), PANGSA PPR AMPANGAN
- p6. MAJLIS JAMUAN HARI RAYA AIDILFITRI MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
- p7. MAJLIS PENYAMPAIAN CENDERAHATI KEPADA PESERTA PROGRAM MEMBUAT KOMPOS SISA ORGANIK DAPUR CIMB BANK, PUSAT SUMBER ALAM SEKITAR TAMAN BAGAN LALANG
- p8. MAJLIS PERASMIAAN PROGRAM KITAR SEMULA DAN MEMBUAT KOMPOS SISA DAPUR ORGANIK CIMB BANK DEWAN KAFA, PERMATANG NIBONG
- p9. MAJLIS PERASMIAAN PROGRAM SISA SIFAR (ZERO WASTE) & PENYERAHAN MESIN KOMPOS CECAIR SEKOLAH MENENGAH SAINS TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN
- p10. SAMBUTAN HARI LANDSKAP NEGARA 2012 PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG
- p11. MAJLIS PELANCARAN PROGRAM MEMBUAT KOMPOS SISA DAPUR ORGANIK CIMB BANK, DEWAN PENEMPATAN BANJIR PENGKALAN BONGGOR, KEPALA BATAS
- p12. PERHIMPUNAN KORPORAT MPSP
- p13. PERTANDINGAN ANUGERAH SEKOLAH HIJAU 2012
- p14. KARNIVAL KOMUNITI HIJAU 2012
- p15. MAJLIS PELANCARAN PENGUMPULAN SISA ORGANIK DAN ALAT PERMAINAN KANAK-KANAK 2012



p5



p8



p17

KANDUNGAN



- p17. MAJLIS PERASMIAN BILIK LAKTASI MPSP 2012
- p18. MAJLIS PELANCARAN PROGRAM HAPPY! (HOUSING ASSISTANCE PROGRAMME OF PENANG, YES) 2012
- p19. PAMERAN E-KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
- p20. MAJLIS PERASMIAN PENUTUP KEMPEN TANDAS BERSIH NEGERI PULAU PINANG
- p22. PROGRAM SEHARI BERSAMA PENDUDUK DI PPR DESA WAWASAN 2012
- p23. MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN BANTUAN PENDAFTARAN PELAJAR KE IPTA TAHUN 2012
- p24. MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT PEGAWAI-PEGAWAI PENILAIAN PBT SELURUH MALAYSIA KE-15, 2012
- p26. SUKAN DAN RIADAH
- p27. PROGRAM GOTONG-ROYONG BERSAMA PENDUDUK 2012
- p28. MAJLIS PERASMIAN BEST KOMTAR 2012
- p29. MAJLIS A MILLION APOLOGIES TO MOTHER EARTH 2012
- p30. MAJLIS PERASMIAN PUSAT KITAR SEMULA TAMAN GEMILANG
- p31. MAJLIS PENYERAHAN JERSI BOLA SEPAK 2012
- p32. MAJLIS PENUTUPAN PROGRAM PENGURUSAN SISA DAPUR ORGANIK CIMB
- p34. ANUGERAH DAN PENCAPAIAN YANG DIPEROLEHI MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI (MPSP) SEPANJANG TAHUN 2012
- p36. KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN TERHADAP PERKHIDMATAN MPSP TAHUN 2012
- p37. LAWATAN KERJA KE MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI (MPSP)



p18



Sidang Redaksi

PENAUNG

PUAN MAIMUNAH MOHD. SHARIF
Yang DiPertua

PENASIHAT

Sr TUAN HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
Setiausaha Perbandaran

KETUA EDITOR


ENCIK WAN JUNAIDY BIN YAHAYA

EDITOR

PUAN SALEMAH BINTI AYOB
ENCIK MUHAMMAD BIN HASSAN

JURUGAMBAR

ENCIK SHEIKH ZAKARIA BIN SHAIK AHMAD
ENCIK MOHD. FAIZ BIN ABDUL HALIM



Perutusan YDP



Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya dapat kita bertemu sekali lagi dalam keluaran Buletin MPSP Bil 3/2012 (September-Disember) dan diharapkan seluruh warga MPSP dalam keadaan sihat sejahtera. Di sini saya ingin mengucapkan tahniah atas sumbangan yang telah diberikan dalam membangunkan Majlis Perbandaran Seberang Perai, khususnya seluruh kawasan Seberang Perai bagi mencapai hasrat kerajaan dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang bertaraf antarabangsa.

Pada awal tahun 2012, sebanyak 7 Fokus MPSP telah dibentuk iaitu Pembersihan dan Kehijauan, Mewujudkan Eko-Komuniti, Perancangan dan Pembangunan, Penguatkuasaan, Peningkatan Hasil dan Penjimatan Kos, Penyertaan Komuniti dalam Pengurusan Fiskal dan Pembinaan Kapasiti Modal Insan. Pencapaian pelaksanaan Fokus MPSP 2012 dari bulan Januari hingga November 2012 adalah sebanyak 92.95% dan berbekalkan 7 fokus inilah yang akan menampakkan hala tuju MPSP dalam menjalankan pentadbiran.

Selama empat bulan terakhir yang dilalui ditahun 2012 ini, terdapat pelbagai program telah berlangsung dengan jayanya dan dikesempatan ini saya berharap agar seluruh kakitangan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dapat memantapkan lagi mutu penyampaian tidak kira dalam apa jua bidang, ia bagi merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang iaitu Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT) serta "Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang". Ini adalah kerana sistem kerja yang mantap akan menjadikan MPSP sebagai "Role Model" kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang lain.

Akhir kata dari saya, saya menyeru agar semua kakitangan MPSP berganding bahu bersama saya dalam meningkatkan imej MPSP dalam memberikan perkhidmatan yang lebih baik dan cemerlang.

Sekian, Terima Kasih.

MAIMUNAH MOHD SHARIF

Yang DiPertua.
Majlis Perbandaran Seberang Perai



Majlis Pelancaran

PROJEK PERINTIS BAJET RESPONSIF GENDER (BRG), PANGSA PPR AMPANGAN

Pada 9 September 2012 satu Majlis Pelancaran Projek Perintis Bajet Responsif Gender (BRG), di Pangsa PPR Ampangan telah berlangsung dengan jayanya. Projek ini merupakan sebuah projek perintis yang dijalankan di bawah PWDC, Kerajaan Negeri, MPSP dan MPPP. Bagi tahun ini, Majlis Perbandaran Seberang Perai telahpun memperuntukan sebanyak RM200 ribu untuk projek perintis ini, dan akan mengambil masa selama 3 tahun. Bagi projek perintis pada tahun ini untuk MPSP, projek yang telah dikenalpasti adalah seperti kebersihan, kitar semula dan keselamatan.



Keselamatan dan kebersihan merupakan fokus utama dalam projek perintis, di samping ianya adalah selari dengan matlamat Kerajaan Negeri ke arah Pulau Pinang "Lebih bersih (*Cleaner*), Lebih hijau (*Greener*), Lebih selamat (*Safer*) dan Lebih sihat (*Healthier*)".



Selain itu juga ia turut menyokong ke arah misi MPSP bagi menjadikan Seberang Perai sebagai sebuah kawasan yang bersih, indah dan selesa untuk didiami serta menjadikan sebuah kawasan tarikan pelaburan serta menepati motto MPSP iaitu "*Sustainability is our commitment*".



Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri

MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

Bertempat di hadapan pintu masuk lobi bangunan MPSP dan perkarangan Auditorium, Ibu Pejabat MPSP pada 12 September 2012, telah berlangsungnya Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri MPSP yang dihadiri oleh semua kakitangan MPSP. Majlis bermula pada pukul 2.00 petang dan berakhir pada pukul 5.00 petang.

Majlis turut dimeriahkan dengan kehadiran Ahli Majlis-Ahli Majlis bersama dengan kehadiran Yang DiPertua MPSP, Puan Maimunah Mohd Sharif, Tuan Setiausaha Perbandaran MPSP, Ketua-Ketua Jabatan, wakil-wakil JKKK, rakan-rakan media dan lain-lain. Majlis ini diadakan bagi mengeratkan lagi hubungan silaturahim dikalangan kakitangan MPSP.



Majlis Penyampaian CENDERAHATI

KEPADА PESERTA PROGRAM
MEMBUAT KOMPOS SISA

ORGANIK DAPUR **CIMB BANK**
PUSAT SUMBER ALAM SEKITAR,
TAMAN BAGAN LALANG



Pada pukul 10 pagi, 30 September 2012 telah berlangsungnya Majlis Penyampaian Cenderahati kepada Peserta Program Membuat Kompos Sisa Organik Dapur CIMB Bank, Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Bagan Lalang. Pihak MPSP

merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua peserta yang telah mengambil bahagian dalam program ini kerana membantu mengurangkan pembuangan sisa dapur ke tapak pelupusan disamping menjimatkan jutaan ringgit yang diperlukan untuk proses pengurusan sampah pada setiap tahun. Hasil daripada program ini, sebanyak 5,082.3 kg sisa dapur telah berjaya dikutip. Terima kasih juga kepada pihak CIMB Bank atas sokongan yang diberikan dalam memastikan kejayaan program anjuran MPSP.





Majlis Perasmian Program Kitar Semula DAN MEMBUAT KOMPOS SISA DAPUR ORGANIK CIMB BANK DEWAN KAFA, PERMATANG NIBONG

Bertempat di Dewan Kafa, Permatang Nibong telah berlangsungnya satu Majlis Perasmian Program Kitar Semula dan Membuat Kompos Sisa Dapur Organik CIMB Bank pada 30 September 2012, pukul 3 petang. Aktiviti-aktiviti kitar semula dan kompos semakin banyak dilaksanakan oleh pelbagai peringkat masyarakat.

“ Ini merupakan suatu petanda yang positif di mana kebanyakan masyarakat kita sudah mempunyai rasa tanggungjawab malah telah mula bertindak untuk memelihara alam sekitar dengan mengamalkan kitar semula serta membuat baja kompos daripada sisa dapur atau pun sisa organik. ”

Program ini dijayakan adalah untuk mengurangkan jumlah sampah yang dibuang di tapak pelupusan sampah disamping dapat menghasilkan baja yang amat berguna kepada tanaman. Oleh itu, masyarakat seharusnya menerapkan nilai-nilai hijau di kawasan persekitaran rumah masing-masing agar hasrat Kerajaan Negeri iaitu menjadikan “**Cleaner, Greener, Safer & Healthier Penang**” dapat direalisasikan dengan jayanya, seiring dengan fokus dan visi MPSP.



Majlis Perasmian

PROGRAM SISA SIFAR (ZERO WASTE)




PENYERAHAN MESIN KOMPOS
CECAIR SEKOLAH MENENGAH
SAINS TUN SYED SHEIKH
SHAHABUDDIN

Pada 4 Oktober 2012, pukul 9.00 pagi bertempat di Sekolah Menengah Sains Tun Syed Sheikh Shahabuddin telah berlangsungnya Majlis Perasmian Program Sisa Sifar (Zero Waste) dan Penyerahan Mesin Kompos Cecair. Sekolah

Menengah Sains Tun Syed Sheikh Shahabuddin telah mencapai pelbagai anugerah dalam aspek-aspek keindahan serta kehijauan alam sekitar, di samping banyak terlibat dalam aktiviti hijau seperti kompos, enzim, pusat kitar semula, *mudballs*, membuat sabun daripada minyak terpakai, pengumpulan air hujan bagi tujuan menjimatkan air dan penanaman pokok buah-buahan.

Ini selaras dengan motto "*Cleaner, Greener, Safer & Healthier Penang*" yang disyorkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan juga visi MPSP iaitu "Menjadikan Seberang Perai bersih, indah dan selesa didiami, bekerja serta menjadi tarikan pelaburan".



Sambutan

HARI LANDSKAP NEGARA 2012 Peringkat Negeri Pulau Pinang

Bertempat di Taman Awam, Vision Park, Bertam, Kepala Batas telah berlangsungnya sambutan Hari Lanskap Negara 2012 Peringkat Negeri Pulau Pinang. Sambutan telah diadakan pada 6 dan 7 Oktober 2012 bermula pada pukul 8.00 pagi hingga 6.00 petang. Sambutan telah dirasmikan oleh T.Y.T Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tun Dato' Seri Utama (Dr) Hj. Abdul Rahman Bin Hj. Abbas. Tema bagi sambutan pada tahun ini adalah '**Komuniti Penggerak Lanskap Pulau Pinang**'. Ini adalah sejarar dengan matlamat Kerajaan Negeri dalam memberi empowerment kepada masyarakat setempat agar bersama-sama dalam mewujudkan persekitaran "**Cleaner, Greener, Safer & Healthier Penang**". Pada hari berkenaan juga turut diadakan pertandingan dan pameran lanskap yang bertujuan untuk melahirkan penghayatan dan kesedaran kepada masyarakat terhadap kepentingan alam sekitar meliputi kepentingan peranan flora dan fauna dalam membentuk suasana lanskap dan persekitaran yang cantik serta indah. Selain itu juga acara ini juga dapat meningkatkan penglibatan komuniti pelbagai lapisan dalam menggerakkan lanskap Pulau Pinang.

“

Sambutan Hari Lanskap dijayakan adalah untuk mewujudkan kesedaran, minat serta pengetahuan dalam kalangan semua pihak terhadap kehijauan dan alam sekitar bagi mempertingkatkan kualiti pembangunan lanskap.

”

Majlis Pelancaran

PROGRAM MEMBUAT KOMPOS SISA
DAPUR ORGANIK **CIMB BANK**,

DEWAN PENEMPATAN BANJIR
PENGKALAN BONGGOR, KEPALA BATAS



Pada 7 Oktober 2012, pukul 10.00 pagi, bertempat di Dewan Penempatan Banjir Pengkalan Bonggor, Kepala Batas telah berlangsungnya satu Majlis Pelancaran Program membuat Kompos Sisa Dapur Organik CIMB Bank. Program ini dilaksanakan adalah untuk mengurangkan jumlah sampah yang dibuang di tapak pelupusan sampah. Pertambahan jumlah penduduk yang semakin meningkat memberi kesan kepada pertambahan isipadu sampah sarap yang dihasilkan setiap tahun. Pertambahan jumlah sampah ini juga akan meningkatkan lagi perbelanjaan serta menyulitkan pihak Majlis, untuk mendapatkan tapak pelupusan yang lebih sesuai pada masa akan datang.

“

Sekiranya semua sampah sarap dibuang di tempat-tempat pembuangan haram, ini akan menjaskankan keindahan dan nilai estetika perbandaran.

”

Selain daripada pelaksanaan Program Kitar Semula, program membuat kompos daripada sisa organik juga dapat membantu mengurangkan pembuangan sisa ke tapak pelupusan disamping dapat menghasilkan baja. Tuan Setiausaha Perbandaran MPSP, Tuan Sr Haji Rozali Mohamud menyeru agar penduduk di sekitar Pengkalan Bonggor dapat menerapkan nilai-nilai hijau di kawasan persekitaran rumah masing-masing yang sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri iaitu "Cleaner, Greener, Safer & Healthier Penang".



PERHIMPUNAN KORPORAT MPSP



Pada 16 Oktober 2012 telah berlangsungnya Perhimpunan Korporat Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) di perkarangan pintu masuk lobi bangunan MPSP. Seluruh kakitangan mula membanjiri kawasan perhimpunan sekitar pukul 8.30 pagi yang turut dihadiri oleh Yang Dipertua MPSP, Puan Maimunah Mohd Sharif, Ahli Majlis-Ahli Majlis, Tuan Sr Haji Rozali Bin Mohamud, Setiausaha Perbandaran MPSP, Ketua-Ketua Jabatan dan rakan media.

Sepanjang perhimpunan berlangsung, Puan Maimunah memberi penekanan berkenaan dengan peningkatan semangat kerja berpasukan dan permantapan mutu pelaksanaan tugas dengan menerapkan nilai-nilai murni seperti kecekapan dan keberkesanannya dalam penyampaian perkhidmatan.




Majlis Penyampaian ANUGERAH Sekolah Hijau 2012

Bagi menambahkan semangat menjaga alam sekitar, MPSP telah mengadakan pertandingan Anugerah Sekolah Hijau yang melibatkan keseluruhan sekolah didalam Seberang Perai. Sehubungan itu, telah diadakan Majlis Penyampaian Anugerah Sekolah Hijau yang dihadiri oleh Y.B Tuan Chow Kon Yeow, Pengurus MMK Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengurus Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Tuan Yang DiPertua MPSP dan dif-dif kehormat yang lain.

Sebanyak 53 buah sekolah telah menyertai pertandingan ini berbanding 36 buah sekolah pada tahun 2011. Peningkatan ini menunjukkan semakin banyak sekolah yang mula peka dan mengambil tindakan proaktif untuk memelihara dan memulihara alam sekitar.

Selain itu, sebanyak 10 kriteria dinilai sebelum penilaian Anugerah Sekolah Hijau dibuat, ia merangkumi amalan 3R, penggunaan sisa makan, penggunaan minyak masak terpakai, bahan pembersih, pengurangan beg plastik, penanaman pokok, penjimatan tenaga dan air, kebersihan kawasan sekolah dan aktiviti lain yang kreatif dan berinovasi.

Diharap dengan adanya pertandingan seperti ini ia akan menggalakkan lebih ramai lagi pelajar menghayati dan menghargai alam sekitar demi masa depan bersama.



Karnival



KOMUNITI HIJAU 2012

Pada hari Sabtu dan Ahad bersamaan 3-4 November 2012 telah berlangsungnya Karnival Komuniti Hijau 2012 yang bertempat di Megamal Pinang, Seberang Perai. Karnival ini dirasmikan oleh YB Tuan Chow Kon Yeow, Pengurus MMK Kerajaan Tempatan & EXCO Pengurusan Lalulintas Negeri Pulau Pinang bersama dengan Puan Maimunah Mohd Sharif, Yang DiPertua MPSP dengan menggunakan tema "**Meraikan Komuniti Hijau**".

Objektif Karnival diadakan adalah untuk meningkatkan rasa tanggungjawab dan peka masyarakat kepada alam sekitar disamping meningkatkan kesedaran orang awam tentang Local Action 21 (LA 21) yang bertujuan untuk mewujudkan komuniti mampan

yang membantu penjagaan alam sekitar, peningkatan kualiti hidup, dan ekonomi yang kompetitif.



Majlis PENGUMP ALAT PERMAIN



Bertempat di Megamal Pinang, Perai telah diadakan Majlis Pelancaran Pengumpulan Sisa Organik dan Alat Permainan Kanak-kanak. Majlis tersebut telah diadakan pada 13 Oktober 2012 dan dianjurkan oleh MPSP dengan kerjasama Syarikat Shence Greentech Sdn Bhd dan telah dirasmikan oleh YB Tuan Chow Kon Yeow, Pengurus MMK Kerajaan Tempatan & EXCO Pengurusan Lalulintas Negeri Pulau Pinang. Majlis juga dimeriahkan lagi dengan kehadiran Tuan Yang DiPertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Tujuan program ini diadakan adalah untuk mengurangkan pembuangan sisa organik dan menggalakkan aktiviti kitar semula yang bermula dengan alat permainan kanak-kanak.



MPSP mengutip sekurang-kurangnya 1000 tan sampah-sarap pada setiap hari dan ini tidak termasuk besi-besi buruk atau sampah-sarap yang dibuang sendiri oleh individu atau syarikat-syarikat yang beroperasi sekitar Seberang Perai



Pelancaran

ULAN SISA ORGANIK DAN AN KANAK-KANAK 2012



Selain itu, program ini juga bertujuan untuk membuka mata masyarakat tentang adanya bahan-bahan sisa yang dibuang sebenarnya boleh digunakan semula. Sebagai contoh sisa organik, ia boleh digunakan sebagai baja untuk tanaman manakala alat permainan boleh dibaiki dan diguna semula.

Antara perkara menarik yang dibuat didalam program ini adalah program pengumpulan sisa dapur yang melibatkan suri rumah atau peserta di taman perumahan yang terpilih. Mereka akan mengumpulkan sisa dapur untuk tempoh 8 minggu dan peserta yang berjaya membawa sisa dapur pada setiap minggu akan diberikan ganjaran.





Majlis Perasmian BILIK LAKTASI MPSP 2012

Pada 24 Oktober 2012 bertempat di Auditorium Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah diadakan Majlis Pelancaran Bilik Laktasi MPSP. Majlis ini dirasmikan oleh Puan Maimunah Mohd Sharif, Yang DiPertua MPSP.

Bilik laktasi diwujudkan untuk kegunaan kakitangan wanita MPSP supaya dapat menyusukan bayi mereka secara eksklusif. Kajian Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) menunjukkan bayi yang diberi penyusuan secara eksklusif iaitu hanya susu ibu tanpa diberi rumusan bayi dan bijirin dalam tempoh 6 bulan pertama mempunyai tumbesaran yang baik dan sihat. Ini adalah kerana didalam susu ibu terdapat nutrisi seperti 160 asid lemak yang mana tidak terdapat didalam susu formula bayi. Sehubungan itu, Puan Maimunah berharap agar kakitangan wanita dapat menggunakan bilik laktasi ini dengan sebaik mungkin.



Majlis Pelancaran PROGRAM **HAPPY!** 2012

Bertempat di Auditorium MPSP telah berlangsung Majlis Pelancaran Program HAPPY! (Housing Assistance Programme of Penang, YES) dan Taklimat Pengurusan & Penyelenggaraan Bangunan Kepada Penduduk Skim Bangunan Berstrata Kos Rendah dan Sederhana Rendah Bagi Kawasan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Majlis ini telah diadakan pada 10 November 2012 dan dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang.

Tujuan program ini diadakan adalah sebagai penambahan kepada tabung bantuan perumahan sedia ada iaitu Tabung Penyelenggaraan yang berjumlah RM 500 juta yang telah diperuntukkan bagi membaik pulih dan menyelenggara perumahan bertingkat kos rendah swasta dan kos sederhana swasta di bandar-bandar utama di seluruh Malaysia.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperuntukkan tambahan RM 50 juta bagi memastikan supaya semua rumah pangsa kos rendah dan sederhana rendah di Pulau Pinang diperbaiki, dipulihkan serta dinaik taraf dalam Program HAPPY! ini.





Pameran e-Kerajaan NEGERI PULAU PINANG 2012

Pada 20 November 2012, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengadakan Pameran e-Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang bertempat ruang legar berhadapan Maybank, Komtar Pulau Pinang. Dengan bertemakan "EZ eG – eKerajaan lebih mudah" dengan mesej "Online Lebih Mudah". Pameran ini telah dirasmikan oleh Y.A.B Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang.

Tujuan pameran diadakan adalah untuk menunjukkan komitmen daripada jabatan/agensi kerajaan yang berusaha untuk terus memperkuuh dan memastikan sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan (masyarakat setempat) menjadi

lebih mudah, cepat dan selesa. Pameran yang diadakan pada kali ini juga adalah kesinambungan daripada siri pameran e-Kerajaan yang telah dilaksanakan pada 15 dan 16 Oktober tahun lalu yang bertempat di Sunway Carnival Mall, Seberang Jaya.

Antara jabatan/agensi kerajaan yang terlibat adalah Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) Pulau Pinang, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Majlis Agama Pulau Pinang. Setiap jabatan/agensi kerajaan mempunyai sistem servis kepada pelanggan yang boleh diakses dengan menggunakan jaluran internet.

Majlis Perasmian Penutup KEMPEN TANDAS BERSIH NEGERI PULAU PINANG 2012



Pada 23 November 2012 bersamaan hari Jumaat telah diadakan Majlis Penutupan Kempen Tandas Bersih Negeri Pulau Pinang yang bertempat di Sunway Carnival Convention Centre. Majlis ini telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang.

Kempen Tandas Bersih adalah inisiatif daripada motto "Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang" dan ia merupakan detik permulaan dalam mengatasi masalah kebersihan tandas terutamanya tandas awam di negeri ini. Satu pertandingan tandas bersih juga telah diadakan kesinambungan daripada program kempen yang diadakan. Sebanyak 8 kategori telah dipertandingkan iaitu kategori jabatan kerajaan, kategori restoran, kategori kedai makan, kategori pasaraya, kategori stesen minyak, kategori tandas awam milik PBT, kategori sekolah menengah, kategori sekolah rendah.



Bagi kategori jabatan kerajaan telah dimenangi oleh Klinik Kesihatan Tasek Gelugor, manakala kategori restoran dimenangi oleh Wonderful Mahaashri Restaurant, kategori kedai makan oleh JK Food Court, kategori pasaraya oleh Sunway Carnival Mall, kategori stesen minyak oleh Lucky Service Station (MOBIL).

Bagi kategori tandas awam milik PBT, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah memenangi tempat pertama,

kedua dan ketiga iaitu Pasar Awam MPSP Tasek Gelugor (pertama), Pasar Awam MPSP Bukit Panchor (kedua), dan Pasar Awam MPSP Bagan Ajam (ketiga).

Manakala bagi kategori sekolah menengah dimenangi oleh SMK Gemilang, kategori sekolah rendah pula dimenangi oleh SK Seri Sentosa.

Diharapkan dengan adanya kempen ini dapat meningkatkan kesedaran masyarakat awam dan setiap organisasi akan kepentingan memastikan tandas dalam keadaan bersih.





PROGRAM SEHARI BERSAMA PENDUDUK

DI PPR DESA WAWASAN 2012

Pada 24 November 2012 Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah dijemput untuk terlibat didalam program sehari bersama penduduk di PPR Desa Wawasan. Program ini adalah anjuran Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang melibatkan beberapa jabatan/agensi kerajaan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri, Pusat Urus Zakat Majlis Agama Islam Pulau Pinang, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia cawangan Pulau Pinang dan lain-lain. Program ini juga telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Tuan Wong Hon Wai, Pengurus Jawatankuasa MMK Perancang Bandar dan Desa, Perumahan dan Kesenian Negeri Pulau Pinang.

Motif utama program diadakan adalah untuk memberi penghargaan kepada penghuni yang membayar sewa secara konsisten setiap bulan dan juga pemberitahuan makluman-makluman terkini daripada kerajaan negeri. Ia juga bertujuan supaya hubungan antara masyarakat dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dapat diperkuatkan lagi.



Majlis Penyerahan

SUMBANGAN BANTUAN PENDAFTARAN PELAJAR KE IPTA TAHUN 2012

Pelajar-pelajar yang berjaya melanjutkan pelajaran ke IPTA di kawasan Seberang Perai Tengah telah terpilih untuk menerima sumbangan dari Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Oleh itu, satu Majlis Penyerahan Bantuan Pendaftaran Pelajar ke IPTA yang bertempat di Ruang Lobi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah diadakan pada 25 November 2012 dan dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang.

Tujuan Kerajaan Negeri Pulau Pinang memperuntukkan bantuan kepada para pelajar ini adalah supaya dapat membantu mengurangkan beban ibu bapa pelajar berkenaan. Sumbangan juga dibuat atas dasar keprihatinan Kerajaan Negeri dalam menghargai dan menjaga kebijakan rakyatnya. Diharapkan para pelajar yang menerima sumbangan dapat menggunakan wang dengan sebaiknya dan belajar dengan sebaik mungkin.





MESYUARAT PEGAWAI-PEGAWAI PENILAIAN PBT SELURUH MALAYSIA KALI KE-15
26 - 28 DISEMBER 2012
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI



Majlis Perasmian

MESYUARAT PEGAWAI-PEGAWAI PENILAIAN PBT SELURUH MALAYSIA

KE-15, 2012

Auditorium Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah dipilih sebagai lokasi majlis perasmian dan Mesyuarat Pegawai-Pegawai PBT Seluruh Malaysia kali ke-15. Majlis perasmian diadakan pada 26 November 2012 yang dirasmikan oleh Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Pengurus MMK Kerajaan Tempatan & EXCO Pengurusan Lalulintas Negeri Pulau Pinang. Tema Mesyuarat Pegawai Penilaian PBT pada kali ini adalah **"Ke Arah Memperkasakan Pendapatan Melalui Profesional Penilaian"**




Pegawai Penilaian memainkan peranan utama dalam menjana pendapatan sesebuah PBT





Puan Maimunah Mohd Sharif, Yang DiPertua MPSP dan Tuan Sr Haji Rozali bin Mohamud, Setiausaha Perbandaran MPSP juga telah dijemput didalam majlis perasmian ini. Sehubungan itu, Puan Maimunah juga melahirkan rasa terima kasih kepada pihak berkaitan kerana memilih Seberang Perai sebagai destinasi mengadakan lokasi mesyuarat kali ke- 15 ini.

Selain itu, YDP MPSP turut memberi pandangan iaitu dengan adanya mesyuarat ini diharapkan ia akan menjadi medan dalam menambah ilmu dan juga percambahan fikiran yang positif dengan harapan dapat membawa hasil dalam peningkatan prestasi perkhidmatan PBT masing-masing sekaligus ianya akan menjadi dorongan kepada semua pegawai dalam meningkatkan mutu kerja dengan mengenal pasti kelemahan dan seterusnya memantapkan lagi kekuatan yang sedia ada.



Sukan DAN RIADAH





PROGRAM *Gotong-Royong* BERSAMA PENDUDUK 2012

Hubungan di antara Persatuan Penduduk Kampung Gajah dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) semakin erat dengan adanya kerjasama untuk program gotong royong yang dijalankan di Tanah Wakaf Jalan Mengkuang / Jalan Kampung Gajah, Butterworth. Program yang diadakan pada 2 Disember 2012 ni bermula pada pukul 9 pagi dan berakhir pada pukul 12 tengah hari. Selain dari itu, program ini dimeriahkan dengan perasmian program oleh Yang Berhormat Tuan Lim Hock Seng, ADUN Bagan Jermal, Butterworth.

Diharapkan dengan adanya program-program seperti ini masyarakat setempat dapat menjayakan misi dan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang iaitu "**Cleaner, Greener, Safer & Healthier Penang**".





Bagi memudahkan kakitangan kerajaan yang berkhidmat di KOMTAR untuk ke tempat kerja, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menyediakan perkhidmatan pengangkutan (BEST KOMTAR) dari Sunway Carnival Mall, Seberang Jaya terus ke KOMTAR.

Justeru itu, satu Majlis Perasmian BEST KOMTAR telah diadakan pada 5 Disember 2012 bertempat di Perhentian BEST di Sunway Carnival Mall dan dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang serta dihadiri oleh Tuan Yang DiPertua Majlis Perbandaran Seberang Perai bersama Tuan Setiausaha Perbandaran MPSP.





Sebagai tanda menghargai alam semulajadi, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengadakan Program A Million Apologies To Mother Earth 2012 yang bertempat di Kolam Teratai, Taman Sungai Rambai, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah. Program kali ini diadakan pada 8 Disember 2012 yang bermula pada pukul 9.45 pagi.

Sehubungan itu, Yang Berhormat Tuan Phee Boon Poh, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengurus Alam Sekitar, Kesihatan dan Kebajikan Masyarakat Penyayang telah hadir ke majlis ini dan sekaligus merasmikan program pada hari tersebut. Program ini juga adalah kali kedua diadakan lanjutan daripada program sama yang diadakan pada 8 Ogos 2009. Tuan Yang Dipertua MPSP juga meluangkan masa untuk menghadiri majlis ini.

Program ini lebih khusus kepada penjagaan kebersihan dan kualiti air sungai dan sehubungan itu sebanyak 88, 350 biji bebola tanah EM (EM Mudball) telah dibuat bertujuan untuk menjaga kebersihan dan kualiti air sungai. Dengan adanya program ini telah menunjukkan usaha serius Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam menjayakan misi "Cleaner, Greener, Safer & Healthier Penang" demi untuk kepentingan bersama.



SAT KITAR SEMULA

资源回收中心

For a better community

迈向更美好的社区环境

Taman Gemilang

Taman Semarak

Taman Gemilang Ria



Majlis Perasmian

Pusat Kitar Semula

TAMAN GEMILANG 2012

Berbekalkan semangat cintakan alam sekitar serta menjayakan misi "Cleaner, Greener, Safer & Healthier Penang", Jawatankuasa LA21 MPSP telah menubuhkan Pusat Kitar Semula di Taman Gemilang bertujuan untuk memelihara alam sekitar dengan mengamalkan kitar semula dan ianya secara tidak langsung memudahkan masyarakat sekitar Taman Gemilang untuk menjalankan aktiviti kitar semula ini.

Sehubungan itu, telah diadakan majlis perasmian yang bertempat di Taman Gemilang yang dihadiri oleh Cik Tan Xin Ying, Ahli Majlis MPSP merangkap Pengerusi Jawatankuasa LA21 Pasukan Kerja Kecermelangan Wanita, Tuan Sr Haji Rozali Mohamud, Setiausaha Perbandaran MPSP, dan Encik Cheah Gim Leong, Pengerusi KRT Taman Semarak, Taman Gemilang dan Taman Gemilang Ria. Majlis yang bermula jam 10.30 pagi hingga sekitar jam 12 tengah hari berakhir dengan jayanya dan dengan tertubuhnya pusat kitar semula ini, diharapkan masyarakat setempat dapat manfaatkan ia dengan sebaiknya.





Majlis Penyerahan

JERSI BOLA SEPAK 2012



Bertempat di Kompleks Sukan Bertam telah diadakan Majlis Penyerahan Jersi Bola Sepak yang dihadiri oleh Encik Ahmad Farid Md. Arshad, Ahli Majlis MPSP, Tuan Sr Haji Rozali Mohamud, Setiausaha Perbandaran MPSP serta barisan dif-dif kehormat yang lain. Penyerahan baju jersi ini hanya kepada pasukan-pasukan bola sepak yang terpilih sahaja.

Tuan Setiausaha Perbandaran MPSP juga mengingatkan golongan muda supaya turut menghulurkan bantuan kepada MPSP dalam menjaga kebersihan sekitar kawasan, pengurangan penjanaan sampah dan sebagainya. Majlis yang bermula pada pukul 4.30 petang hingga 5.30 petang berakhir dengan jayanya.

Majlis Penutupan

Program Pengurusan Sisa Dapur Organik CIMB

PERMATANG NIBONG 2012

Majlis penutupan ini berlangsung pada 29 Disember 2012, jam 10 pagi yang bertempat di Dewan KAFA, Permatang Nibong, Permatang Pauh. Ia telah dihadiri oleh Encik Tan Soon Lai, Pengurus CIMB Cawangan Maju Utama dan perasmian majlis penutup dilakukan oleh Tuan Sr Haji Rozali Mohamud, Setiausaha Perbandaran MPSP.

Menurut Tuan Setiausaha Perbandaran MPSP, seramai 114 peserta menyertai program ini dan sebanyak 51 peserta telah berjaya dalam program ini iaitu 45%. Hasil daripada program ini yang telah berlangsung selama 8 minggu, sebanyak 2,030.5 kg sisa dapur berjaya dikutip dan ia secara tak langsung merupakan satu permulaan yang sangat bagus dalam menguruskan sisa dapur.

Selain itu, Tuan Sr Haji Rozali Mohamud juga berharap agar program ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang kerana ia sejajar dengan misi Kerajaan Negeri Pulau Pinang iaitu "Cleener, Greener, Safer & Healthier Penang"





Majlis Penutupan

Program Pengurusan Sisa Dapur Organik CIMB

PENGKALAN BONGOR 2012

Majlis penutupan ini berlangsung pada 29 Disember 2012 jam 3 petang yang bertempat di Dewan Pengkalan Bongor, Penaga. Ia telah dihadiri oleh Puan Norrizah Abdullah, Pengurus CIMB Cawangan Taman Selat dan perasmian majlis penutup dirasmikan oleh Tuan Sr Haji Rozali Mohamud, Setiausaha Perbandaran MPSP.

Seramai 119 peserta menyertai program ini dan sebanyak 52 peserta telah berjaya dalam program ini iaitu 44%. Hasil daripada program ini yang telah berlangsung selama 8 minggu, sebanyak 1,913.4 kg sisa dapur berjaya dikutip.

Selain itu, Program Pengurusan Sisa Dapur Organik CIMB yang telah berlangsung Permatang Nibong adalah sebahagian daripada program LA 21 dan selaras dengan Fokus MPSP 2012 iaitu Pembersihan dan Kehijauan serta mewujudkan Eko-Komuniti.



Anugerah Dan Pencapaian Yang Diperolehi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) Sepanjang Tahun 2012

BIL	ANUGERAH	TARIKH ANUGERAH
1.	▪ Sijil Bersih Ketua Audit Negara Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011	2012
2.	▪ Penarafan 4 Bintang oleh KPKT bagi tahun 2010/2011	2 Mac 2012
3.	▪ Anugerah Outstanding Contribution towards Sustainability daripada Pertubuhan Juruukur Diraja Malaysia	23 Jun 2012
4.	▪ Persijilan Semula MS ISO 14001 : 2004 daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd.	2012
5.	▪ Naib Johan KIK Peringkat Negeri Pulau Pinang	Oktober 2012
6.	▪ Anugerah Penghargaan Pelaksanaan Inisiatif Hijau Kategori Laluan Pejalan Kaki oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa Pulau Pinang	November 2012
7.	▪ Anugerah PBT Prihatin OKU	3 November 2012
8.	▪ Tempat ketiga Pertandingan Tandas Bersih Peringkat Negeri Pulau Pinang kategori Tandas Bersih Pejabat Kerajaan ▪ Tempat pertama, kedua dan ketiga kategori Tandas Awam milik PBT	23 November 2012
9.	▪ Penarafan 5 Bintang dalam Penilaian Laman Web dan Portal Kerajaan Malaysia	12 Disember 2012

BIL	ANUGERAH	TARIKH ANUGERAH
10.	<ul style="list-style-type: none"> ■ Anugerah Khas kategori Anugerah Inovasi Pengurusan Kewangan (AIPK) (Tajuk: Sistem Cukai Taksiran = Jabatan Perpendaharaan) oleh YB Dato' Farizan Darus, SU Kerajaan Negeri Pulau Pinang 	20 Disember 2012
11.	<ul style="list-style-type: none"> ■ Johan Kategori Anugerah Inovasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (AIICT) (Tajuk : Councillor Information Relations Management (CIRM) Sistem Pengurusan Perhubungan Maklumat Ahli Majlis = Jabatan Perpendaharaan dan Bahagian Pembangunan Korporat) oleh Y.B Dato' Farizan Darus, SU Kerajaan Negeri Pulau Pinang 	20 Disember 2012
12.	<ul style="list-style-type: none"> ■ Anugerah Khas Kategori Anugerah Inovasi PBT (AIPBT) (Tajuk : Inovasi Kutipan Tunggakan Cukai Pintu = Jabatan Perpendaharaan) 	20 Disember 2012



Kajian Kepuasan Pelanggan Terhadap Perkhidmatan MPSP Tahun 2012

Keputusan kajian Kepuasan Pelanggan terhadap Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) pada tahun 2012 adalah 85.34 % dan pecahannya adalah:

- | | | |
|--|---------|--------------|
| | 18.46 % | = Cemerlang. |
| | 32.28 % | = Baik. |
| | 34.60 % | = Memuaskan. |
| | 9.93 % | = Sederhana. |
| | 4.72 % | = Lemah. |

Lawatan Ke Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)



Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)



Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB)



Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)



Institute of Political Sciences,
NPAA Vietnam

Lawatan Kerja Ke Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)



Majlis Perbandaran Kuantan (MPK)



Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU)



Kunjungan Hormat ke Pejabat YDP oleh United Nations Environment Programme (UNEP)



Kunjungan Hormat ke Pejabat YDP oleh Hospital Kepala Batas



Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD)



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

Jalan Perda Utama, Bandar Perda, 14000 Bukit Mertajam
Tel: 04-549 7555 | Faks: 04-538 9700
E-mel: webmaster@mpsp.gov.my

